

30 MAR 1998

Duta-Rajmah (Laporan Khas)

DR RAJMAH HUSSAIN: DUTA BARU MALAYSIA KE PERANCIS

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 30 Mac (Bernama) -- "Beliau seorang yang hebat! Dan sesuatu yang hebat selalunya dalam bentuk yang kecil!" kata Peter Hickman, seorang perunding media di Washington apabila diminta mengulas mengenai Dr Rajmah Hussain, bakal duta Malaysia ke Perancis.

Dan begitulah orang-orang di Washington akan mengingati diplomat bertubuh kecil itu, yang bertugas sebagai Timbalan Ketua Perwakilan Malaysia di sini sepanjang empat tahun lepas.

Pegawai perkhidmatan luar ini bertugas tanpa banyak cakap dan tidak mengenal penat lelah dalam membantu duta mempromosikan kepentingan Malaysia-Amerika dan kadang-kala membantu menyelesaikan pelbagai masalah yang tidak dijangka demi kebaikan hubungan dua hala.

Setelah 22 tahun berkhidmat dengan Wisma Putra, Dr. Rajmah kini dilantik sebagai duta Malaysia ke Perancis.

Ia bukan sebarang jawatan, memandangkan Perancis antara negara berprofil tinggi dalam kumpulan G-7 dan mempunyai hubungan baik dengan Malaysia.

Dr Rajmah keberatan mengakuinya tetapi beliau merupakan wanita pertama Malaysia dilantik sebagai duta ke Perancis.

"Saya terharu dengan kepercayaan kerajaan terhadap diri saya. Ia satu tanggungjawab besar, dan saya berharap saya mampu melaksanakannya," kata beliau semasa ditemuramah di restoran "Reliable Source," di Kelab Akhbar Nasional di sini.

Beliau pasti mempunyai kenangan indah mengenai kelab berprestij itu, yang suatu masa dahulu enggan mengibarkan bendera Malaysia di ruang legarnya yang berlantaikan batu marmar itu.

Dr Rajmah, sebagai anggota baru kelab itu, ingin memberikan bendera Malaysia setelah melihat tiada bendera Malaysia di kelab itu tetapi beliau terkejut apabila diberitahu kelab itu tidak mahu mengibarkan bendera Malaysia kerana "kurangnya kebebasan akhbar di negara itu."

Berikutan berpucuk-pucuk surat, panggilan telefon dan satu perjumpaan, akhirnya bendera Malaysia diterima dan diserahkan kepada Presiden kelab, Richard Sammon, tahun lepas.

Beliau melihat bendera Malaysia sekali lagi semasa menuruni tangga yang menghala ke ruang legar itu. Bergambar di sebelah bendera itu untuk kali terakhir dan berasa puas kerana Hickman, yang juga anggota jawatankuasa kelab itu, berjanji akan menjadi "penjaga" bendera kebanggaan Malaysia itu.

Kejadian itu mungkin kecil bagi sesetengah orang. Bagi Dr Rajmah, ia satu misi yang tidak boleh dipandang ringan.

Bendera Malaysia adalah simbol penting kepada rakyat Malaysia.

Mengibarkannya di tempat presiden, perdana menteri dan wartawan dari seluruh dunia berucap dan membuat liputan, adalah amat penting.

"Kepuasan yang saya dapati daripada tugas ini ialah dapat berkhidmat kepada negara saya. Ia bukan sesuatu yang boleh dinilai dalam bentuk ringgit dan sen. Saya berbangga dapat berkhidmat untuk negara," katanya.

Apakah pandangan beliau mengenai Washington dan rakyat Amerika secara umumnya?

"Saya gembira dengan hubungan Malaysia-Amerika yang terjalin dengan mesra. Bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan dari semasa ke semasa dalam nilai dan pandangan kita terhadap beberapa isu termasuk hak asasi manusia dan demokrasi.

Bagaimanapun, lawatan yang dilakukan oleh para pegawai, anggota Kongres

dan kakitangan serta wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan Amerika ke Malaysia selalunya mengendurkan pendirian tegas mereka terhadap isu-isu yang panas.

"Sebab itu, sebagai pegawai kedutaan, kami cuba menggalakkan seberapa banyak lawatan yang boleh ke Malaysia. Selalunya apabila pulang ke Amerika, mereka mempunyai pandangan yang amat berbeza mengenai Malaysia. Mereka mempunyai rasa hormat yang lebih terhadap rakyat, pencapaian dan pembangunan ekonomi kita," katanya.

Pada 1994, sebaik sahaja Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melakukan lawatan kerja ke Washington, Dr. Rajmah selaku pemangku kuasa usaha, menerima jemputan jamuan diplomatik di Rumah Putih.

Apa yang memeranjatkan beliau ialah perhatian yang diberikan oleh Presiden Bill Clinton. Dalam perbualan yang ringkas, Presiden Clinton bercakap mengenai lawatan Perdana Menteri ke Rumah Putih dan perlunya Amerika dan Malaysia menjalin hubungan yang lebih rapat.

Dr Rajmah percaya hubungan Amerika-Malaysia walaupun ada kalanya tegang, telah bertambah rapat di bawah pentadbiran Clinton.

Para pegawai Amerika yang melihat kedua-dua pemimpin itu semasa mesyuarat tertutup pada Sidang Kemuncak Pemimpin APEC di Vancouver, November lepas, menyifatkan hubungan Clinton-Mahathir sebagai "sangat mesra".

Sebagai timbalan ketua perwakilan Malaysia di Washington, Dr. Rajmah banyak mengembara ke seluruh Amerika Syarikat untuk mengadakan perjumpaan dengan para pegawai, ahli perniagaan dan juga menyertai seminar, yang beliau tidak jemu-jemu mempromosikan kepentingan Malaysia di AS.

Douglas Hartwick, Pengarah bagi Pejabat Asia Tenggara di Jabatan Negara, yang juga merupakan Penasihat Ekonomi di Kedutaan AS di Kuala Lumpur pada 1990-93, menyifatkan Dr Rajmah sebagai seorang wanita yang mempunyai tarikan Melayu.

"Beliau juga bijak dalam menangani isu-isu sensitif, tidak takut untuk berterus terang bagi maksud memberi penjelasan," katanya.

Hartwick juga mengkagumi cara Dr Rajmah kerana apabila bercakap mengenai isu dua hala dengannya, "Saya dapat memahami bagaimana pandangan kerajaan Malaysia terhadap sesuatu masalah. Beliau melambangkan sensitiviti kerajaan Malaysia."

Bagi Dr Rajmah, beliau berharap dapat membina hubungan yang lebih rapat antara Malaysia dan Perancis.

Beliau menggantikan Mohamad Haron yang akan bersara. -- BERNAMA
SH RHM NAK